

Alternatif perubatan kesihatan

ATTQAH YAACOB

MANUSIA telah menggunakan tumbuhan untuk pelbagai tujuan sejak bermulanya

ketamadunan manusia di muka bumi ini dan penggunaannya amat penting dalam memenuhi keperluan kehidupan seharian sebagai sumber makanan, ubatan, binaan dan hiasan.

Permintaan terhadap herba dan ubatan semakin mendadak sejak kebelakangan ini. Namun begitu, mungkin masih ramai yang tidak menyedari penggunaan dari kalangan spesies tumbuhan yang kurang meluas kerana kurangnya pengetahuan terhadap spesies

pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan tumbuhan ubatan ini sebagai salah satu alternatif kesihatan.

Di samping itu, mereka turut menganjurkan Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubatan bertujuan mengenal pasti kegunaan, kaedah penanaman dan penjagaan tumbuhan herba.

Ia juga sebagai kawasan pemuliharaan flora secara ex-situ, dan merupakan salah satu usaha bagi memastikan khazanah yang tidak ternilai ini pupus serta sebagai sebuah tempat menyimpan pelbagai koleksi tumbuhan yang mempunyai nilai ekonomi yang boleh dirujuk dan dibangunkan bagi tujuan penyelidikan



Peserta yang menyertai bengkel itu di Taman Konservatori Pertanian Institut Biosains UPM.



Salah seorang pegawai sains menerangkan kepentingan herba dan tumbuhan ubatan.

tumbuhan lain yang berpotensi.

Oleh itu, kewujudan Taman Konservatori Pertanian, Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai salah satu langkah untuk memberi

yang berasaskan sains biologi terutamanya dalam bidang pertanian.

Pengarah Institut Biosains, UPM, Profesor Dr Fatimah berkata, penyertaan bengkel itu masih terbuka kepada ahli akademik, penyelidik, pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi, kakitangan kerajaan dan swasta, guru dan usahawan.

Di samping perubahan moden yang ada masa kini, ia tidak bermakna perubahan tradisional perlu diketepikan sebaliknya lebih banyak penyelidikan dan kajian dilakukan terhadap kaedah perubatan itu untuk memastikan sejauh mana ia boleh membantu pesakit di negara



Tacca integrifolia atau kelabu gunung ini adalah tumbuhan ubatan yang dipercayai boleh merawat penyakit kanser dan sebagai tonik.

Herba, tumbuhan ubatan

ini melalui ubatan herba tradisional.

Beliau berkata, dalam bidang ini masih memerlukan lebih ramai pakar untuk membangunkan penyelidikan terhadap ubat-ubatan tradisional dan herba yang banyak khasiatnya di samping menjaga pendapatan kepada negara.

Bengkel itu merangkumi latihan praktikal mengenai sumber baru tumbuhan ubatan di Malaysia dan mengenal pasti penggunaannya.

"Dengan adanya bengkel ini, ia mendedahkan tentang industri herba semasa, tanaman aroma, pembiak baik tumbuhan secara in vitro, pemakanan berasaskan herba, kebun dapur dan lawatan ke Taman Konservatori Pertanian (TKP)," katanya.

Selain itu, oleh kerana sebelum ini khasiat tumbuhan herba setakat ini terhad untuk tujuan perubatan dan diamal oleh masyarakat setempat sahaja, jadi penggunaan tumbuhan tersebut perlu disebarluaskan lagi kepada masyarakat umum.

"Penggunaan tumbuhan herba ini telah meluas tetapi pengetahuan tentang khasiat sebenar dan cara penanaman yang betul masih tidak diamal sepenuhnya," katanya yang mengharapkan tumbuhan ubatan ini diketahui ramai.

Ia merangkumi tumbuhan ubatan, wangian, halia, ulaman, paku-pakis, orkid liar, peruk kera, keladi liar, rempah ratus dan akaatik.

Pada masa sama, menurut Penyelaras Unit Biodiversiti, Institut

Biosains, UPM, Dr Faridah Qamaruz Zaman, pada masa ini, herba atau produk tumbuhan herba banyak digunakan sebagai ubat-ubatan sampingan atau sebagai bahan alternatif untuk meningkatkan kesihatan dan melawan penyakit.

"Ini dapat dilihat dengan jelas melalui peningkatan dalam jualan produk herba serta kewujudan banyak pusat kesihatan yang

dukung anak dan sebagainya.

Kesemua jenis tumbuhan dan herba tersebut amat bernilai dan mempunyai khasiat yang tinggi.

Selain itu, tanaman aroma juga adalah baik untuk kesihatan dan elok dijadikan sebagai gaya hidup sama ada sebagai tanaman di rumah atau penggunaan produk minyak pati.

Terdapat juga beberapa spesies yang sememangnya telah dikenali dikumpulkan bersama sebagai koleksi

ekskotik dan mengeluarkan aroma yang tersendiri apabila diramas. Seperti contoh, kunyit digunakan untuk wanita selepas bersalin bagi menghilangkan bengkak, lenguh badan, luka dan menguruskan badan.

Menurutnya, terdapat lebih kurang 50 spesies koleksi tumbuhan wangian yang terdiri dari spesies asli dan eksotik di mana sebahagiannya berpotensi untuk dikomersialkan.

Penyebaran dan penghasilan aroma daripada tumbuhan wangian ini adalah daripada beberapa komponen penting pada bahagian tumbuhan seperti bunga, daun, kulit batang, luahan getah dan akar.

Selain berfungsi sebagai bahan wangian, ia juga berfungsi sebagai bahan perasa tambahan. Antaranya spesies tumbuhan wangian seperti cempaka hutan, medang teja, medang kesing, kemuning cina dan lain-lain.

Orang ramai yang berminat menyertai bengkel atau berkaitan dengan tumbuhan ubatan ini boleh melayari www.ibs.upm.edu.my untuk maklumat lanjut.



menyediakan perubatan tradisional seperti aroma terapi, refleksologi, terapi ozon dan sebagainya.

"Antara rawatan alternatif yang menggunakan herba adalah untuk merawat sakit belakang, sakit sendi dan urat, keletihan, migrain, menopause, darah tinggi dan juga untuk tujuan kecantikan," katanya.

Ubat-ubatan tradisional yang diamal oleh orang Melayu dianggarkan melebihi 1,000 jenis tumbuhan berbunga dan paku-pakis. Contohnya termasuklah tongkat ali, kacip fatimah, pinang, lilit memanjang seruntum, daun inai, mengkudu, pegaga, kecubung, hempedu bumi,